

Dua sekawan dipenjara dan denda kerana ugutan jenayah, curi kabel

KUCHING: Dua sekawan dipenjara lapan bulan dan didenda RM3,000 atau empat bulan penjara setiap seorang di Mahkamah Majistret kelmarin kerana melakukan ugutan jenayah dan mencuri kabel Telekom Malaysia Berhad (TM) di Kubah Ria, Jalan Matang, di sini.

Hukuman itu dijatuhkan oleh Majistret Ling Hui Chuan terhadap Sharyl Nyzam Mohd Abu Husein, 38, dan Nazrin Aqmal Ismail, 36, yang mengaku bersalah atas dua pertuduhan.

Pertuduhan pertama dibuat mengikut Seksyen 431A Kanun Keseksan kerana melakukan khianat dengan memotong serta mencuri kabel.

Untuk kesalahan itu, Ling memerintahkan dua sekawan tersebut didenda RM3,000 atau empat bulan penjara setiap seorang.

Sementara pertuduhan kedua menyaksikan mereka didakwa mengikut Seksyen 507B Kanun Keseksan dibaca bersama Sek-

syen 34 Kanun Keseksan kerana mengugut seorang lelaki dengan niat untuk menyebabkan ketakutan.

Ling menjatuhkan hukuman penjara lapan bulan setiap seorang terhadap mereka.

Kesalahan itu dilakukan mereka pada 4 September 2026 sekitar jam 3.20 pagi di sebuah cawangan kedai menjual ayam dan barangan basah lain di Kubah Ria di Jalan Matang, Petra Jaya di sini.

Menurut fakta kes, pengadu lelaki dimaklumkan oleh dua rakan sekerjanya bahawa mereka telah melihat tiga lelaki yang tidak dikenali cuba menanggalan dan memotong kabel di premis berkenaan ketika dalam perjalanan ke sebuah kedai dobi.

Kejadian itu turut dirakam oleh saksi yang berada di tempat kejadian menggunakan telefon pintar.

Lelaki-lelaki berkenaan kemudian melarikan diri dari tempat kejadian menaiki kenderaan berasingan

selepas berjaya mengambil kabel yang dipotong.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan dua sekawan itu ditangkap sekitar jam 10.50 malam pada 5 September 2026, sementara rakaman video itu tular di media sosial.

Dalam rakaman itu, salah seorang tertuduh dilihat cuba menyerang lelaki yang merakam video tersebut sambil mengeluarkan kata-kata ugutan bertujuan untuk menimbulkan ketakutan, bahkan menghalang pengadu daripada mengambil tindakan terhadap mereka.

Siasatan polis seterusnya mendapati kedua-dua lelaki itu, bersama seorang lagi rakan subahat yang masih bebas, terlibat dalam kecurian kabel dan melakukan ugutan terhadap mangsa di tempat kejadian.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Siti Radhiah Abdul Rahman sementara dua sekawan itu tidak diwakili peguam.